



KENYATAAN MEDIA PROGRAM TUBE DITERUSKAN DI BAWAH INISIATIF PENJANA

Kuala Lumpur, 15 Oktober 2020 – SME Corp. Malaysia, agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) akan meneruskan pelaksanaan Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) melalui inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Dengan dana tambahan berjumlah RM20 juta, permohonan bagi program ini sekali lagi akan dibuka pada tahun ini mulai 15 hingga 25 Oktober 2020.

Program yang telah dilaksanakan sejak tahun 2014 ini bertujuan bagi memupuk budaya keusahawanan di kalangan belia Bumiputera. Peserta akan diberi pendedahan berkenaan kepentingan pengurusan akaun, sumber manusia, inventori dan stok serta adaptasi teknologi dalam perniagaan seperti perniagaan secara *on-line*, kaedah pemasaran melalui media sosial serta transaksi perniagaan secara *e-commerce*.

Bagi tahun ini, latihan Program TUBE dilaksanakan secara dalam talian bagi tujuan keselamatan dan kesihatan daripada penularan wabak Covid-19. Dengan tempoh latihan yang lebih singkat iaitu tujuh (7) hari, modul latihan diolah sebaik mungkin supaya jelas, mudah difahami dan boleh dipraktikkan terus selepas peserta menamatkan latihan. Di bawah inisiatif PENJANA ini, keutamaan adalah kepada pemohon yang telah diberhentikan kerja namun berminat menjalankan perniagaan sebagai kerjaya sepenuh masa. Sejumlah 250 peserta disasarkan untuk dilatih menggunakan dana di bawah inisiatif ini.

Menteri Pembangunan Usahawan, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar berkata “Sehingga kini, Program TUBE telah berjaya melatih seramai 5,766 belia Bumiputera yang mana 4,952 iaitu 99% daripadanya telah memulakan operasi perniagaan dalam pelbagai bidang. Program TUBE juga telah mencatatkan jualan

terkumpul berjumlah RM127.17 juta dan mewujudkan 10,540 peluang pekerjaan baharu termasuk untuk peserta program TUBE itu sendiri”.

Belia yang berminat untuk menjadi usahawan boleh memohon program ini sebelum tarikh tutup permohonan pada 25 Oktober 2020 melalui laman sesawang tube.smecorp.gov.my.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

- TAMAT -

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Puan Norliza Mokhtar di talian 03-2775 6175 atau emel – norliza@smecorp.gov.my atau Puan Amira Haryany Mohd Amry di talian 03-2775 6177 atau emel – amiraharyany@smecorp.gov.my

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Aras 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 1300-30-6000
Fax : 603-2775 6001
E-mail : info@smecorp.gov.my
Website : www.smecorp.gov.my

SME Corp. Malaysia

-
SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.